

Kerajaan tidak ada masalah bayar jika ada bukti

# Tuntutan tertinggi RM1 j

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ KUALA LUMPUR 5 JULAI

**B**AHAGIAN Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD), Jabatan Akauntan Negara pernah membuat bayaran balik tuntutan tertinggi seorang individu berjumlah RM1 juta.

Pengarah Bahagiannya, Datuk Zamimi Awang berkata, ini membuktikan kerajaan tidak mempunyai masalah untuk melunaskan hak empunya wang tersebut walaupun sebanyak mana jumlah yang dimiliki sekalipun serendah 10 sen jika mereka mempunyai bukti dan sokongan lengkap.

Katanya, setakat 31 Disember tahun lalu, pihaknya telah membuat bayaran balik tuntutan WTD berjumlah RM1.5 bilion kepada pemilik yang berhak.

Menurut beliau, wang yang disimpan di Pendaftar WTD tidak akan luput sehingga ia dituntut sekalipun pemilik wang berkenaan telah meninggal dunia kerana wang berkenaan boleh dituntut oleh pihak pewaris pula.

“Hebatan mengenai WTD kepada orang ramai dibuat melalui perwartaan kerajaan yang disimpan di Perpustakaan Negara. Maklumat WTD diwartakan dalam Warta Kerajaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 13, Akta Wang Tak Dituntut 1965.

“Namun, adalah lebih mudah orang awam membuat semakan

sendiri tanpa mewakilkan kepada orang lain dengan menghadirkan diri ke kaunter Pejabat Pendaftar WTD di Tingkat 42, Menara Maybank Kuala Lumpur atau pejabat Jabatan Akauntan Negara negeri di seluruh negara tanpa dikenakan sebarang bayaran atau caj perkhidmatan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu Zamimi berkata, pihaknya akan melaksanakan program *Beneficial Owner Outreach* untuk menjelaki empunya melalui notis pemakluman milik WTD kepada empunya yang dikenal pasti.

Katanya, program tersebut sebagai satu tanggungjawab sosial korporat pihaknya yang dijangka dilancarkan pada April tahun depan.

Beliau menjelaskan, pada masa ini, BWTD sentiasa menjalankan program kesedaran kepada masyarakat untuk membuat semakan wang mereka, selain membuka kaunter-kaunter sementara di lokasi tertentu.

Di samping itu katanya, Unit Penyuatuasaan BWTD pula akan membuat pemeriksaan ke atas setiap syarikat dan firma yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi memastikan sama ada mereka mempunyai WTD yang perlu diserahkan.

“Syarikat dan firma bertanggungja-



ZAMIMI AWANG

wab akan mengenal pasti WTD yang ada dan menyerahkan kepada Pendaftar mengikut tempoh yang ditetapkan.

“Syarikat diberi tempoh sehingga 31 Mac setiap tahun untuk menyerahkan WTD. Mana-mana syarikat dan firma yang gagal berbuat demikian dalam tem-

poh berkenaan akan dikenakan denda sehingga RM20,000 mengikut akta berkenaan. Mereka yang menghalang tugas penguat kuasa untuk membuat semakan juga akan dikenakan denda sehingga RM5,000 atau tiga bulan penjara di bawah akta sama,” katanya.

Jelasnya, syarikat dan firma yang perlu mematuhi Akta WTD ialah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 seperti bank dan insurans, lembaga yang mengurutkan kumpulan wang berkaitan faedah persaraan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), pertubuhan dan koperasi yang didaftarkan.

Selain itu menurutnya, manama perbadanan, pihak berkuasa awam dan kesatuan sekerja seperti badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta firma-firma yang menjalankan perniagaan seperti firma guaman atau firma audit juga tertakluk kepada Akta WTD 1965.